

**KEPENTINGAN PENYEDIAAN PERANCANGAN  
TANDAS AWAM DI BANDAR UTAMA  
DI PERLIS  
KAJIAN KES : KANGAR, KUALA PERLIS,  
ARAU & PADANG BESAR**

Disediakan Oleh :  
**Zulfa Mohd Salim**

Kajian akhir ini disediakan bagi memenuhi keperluan  
Diploma Perancangan Bandar & Wilayah

**Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah  
Kajian Senibina Perancangan dan Ukur  
Institut Teknologi Mara  
Shah Alam, Selangor**

Januari - Mei 1996

## **PENGHARGAAN**

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Mengasihani, Jutaan terima kasih diucapkan kepada Puan Saniah Ahmad Zaki selaku Penyelia Kajian Akhir diatas segala nasihat dan tunjuk ajar yang telah diberikan daripada peringkat awalan penyediaan kajian ini sehinggalah kajian ini dapat disiapkan.

Tidak lupa juga jutaan penghargaan kepada kakitangan-kakitangan jabatan kerajaan yang banyak memberikan bantuan dalam menyediakan kajian ini. Kakitangan-kakitangan yang terlibat adalah

- En. Zaihaimi Zulkifli  
Juruteknik Bangunan,  
Bahagian Perancangan dan Kejuruteraan, MPK.Ps
- En. Ismail Salleh dan Cik Rokiah Shaari  
Arkitek dan Pelukis Pelan,  
Bahagian Pembangunan, MPK.Ps
- En. Shukri Saad,  
Unit Kejuruteraan,  
Kementrian Kesihatan
- Kakitangan Perpustakaan,  
Ibu Pejabat Jabatan Perancangan Bandar dan Desa,  
Jalan Cenderasari, Kuala Lumpur

## ABSTRAK

Kemudahan awam merupakan salah satu aspek yang dititikberatkan dalam perancangan bandar masa kini. Ini adalah kerana memandangkan kepada kadar pertumbuhan penduduk terutamanya di pusat-pusat bandar semakin meningkat, maka permintaan terhadap kemudahan-kemudahan awam juga turut bertambah. Disamping itu taraf kualiti dan teknologi juga perlu dipertingkatkan dalam mengejar era pembangunan negara yang berteknologi tinggi.

Namun demikian apa yang berlaku pada masa kini dalam mana-mana pembangunan seringkali tiada perancangan yang teliti dititikberatkan dalam penyediaan kemudahan-kemudahan tersebut. Kemudahan-kemudahan yang jelas tidak diberikan perhatian adalah kemudahan tandas awam yang mana ianya disediakan sekadar "melepaskan batuk ditangga". Adalah sungguh menyedihkan kerana seringkali kita dapati bahawa tandas-tandas awam yang disediakan terutamanya di bawah Pihak Berkuasa Tempatan terutamanya kawasan bandar dalam keadaan yang sungguh mengaibkan kerana kurangnya pengurusan dan penjagaan.

Maka, daripada situ dapatlah disimpulkan bahawa usaha dan peranan yang dijalankan oleh Pihak Berkuasa Tempatan adalah sangat terbatas. Satu kajian perlu dijalankan bagi mengenalpasti masalah-masalah yang wujud disamping membentuk garis panduan yang khusus dalam merancang penyediaan tandas awam agar dapat digunakan dengan sepenuhnya.

Penghargaan	i
Abstrak	ii
Senarai Jadual	iii
Senarai Pelan	iv
Senarai Gambar	v
Senarai Carta	vi
Senarai Lampiran	vii

## **KANDUNGAN**

<b>BAB 1</b>	<b>Pengenalan</b>	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Tujuan	2
1.3	Objektif	2
1.4	Kenyataan Masalah	2
1.5	Latarbelakang Kawasan Kajian	3
1.6	Kepentingan Kajian	6
1.7	Skop Kajian	6
1.8	Had Kajian	7
1.9	Pendekatan Kajian	8
1.10	Carta Alir Kerja	10

# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 Pengenalan**

Dewasa ini dengan penambahan penduduk yang pesat, kadar permintaan terhadap kemudahan-kemudahan sosial turut meningkat. Akan tetapi tiada peningkatan dalam kualiti kemudahan-kemudahan tersebut.

Atas kesan tersebut pelbagai pihak menerima rungutan dan bantahan daripada pihak-pihak tertentu. Jadi untuk mengelakkan perkara ini daripada berterusan maka satu kajian terhadap perancangan kemudahan perlu dijalankan khususnya tandas awam. Ini adalah kerana tandas awam merupakan kemudahan yang paling kritikal dan memerlukan penyelesaian yang segera.

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji aspek perancangan fizikal tandas awam, melihat masalah serta kesan-kesannya. Jadi objektif yang digariskan adalah berdasarkan kepada tujuan tersebut disamping beberapa peringkat-peringkat lain seperti penentuan skop dan had kajian dan peringkat-peringkat perlaksanaan kajian.

Lokasi yang telah dikenalpasti adalah merupakan pusat-pusat bandar kerana pusat bandar adalah merupakan pusat tumpuan penduduk dan mempunyai kepentingan yang tersendiri terhadap keperluan tersebut.